

26/09/2003

Sistem giliran KM Sabah di penghujung?

Lichong Angkui

DALAM bahasa Bajau, penggiliran juga disebut 'Seleh-seleh Kiti' yang bermaksud 'ganti-ganti kita' - suatu istilah yang sinonim dengan politik Sabah sejak sistem penggiliran jawatan Ketua Menteri diperkenalkan pada 1994.

Hingga kini pun, masih kedengaran lagi ungkapan itu seiring dengan satu lagi ungkapan dalam bahasa Bajau berbunyi 'mangannya mangan, asal kurung-kurung' yang bermaksud 'makan atau tidak, asal dapat bersama-sama.'

Malah, ketika kempen pilihan raya negeri 1999 dan kemudian pilihan raya kecil Likas dan Gaya, pemimpin Barisan Nasional (BN) dari Kuala Lumpur, terutama Pergerakan Pemuda Umno kedengaran begitu fasih mengucapkannya, lebih lancar dan lebih baku sebutan dalam kempen ceramah mereka.

Demikianlah betapa mendalamnya pengertian politik penggiliran itu bagi kebanyakan rakyat Sabah dan juga mereka yang mendukung perjuangan BN sejak dulu sehingga sekarang.

Seorang penulis buku politik pernah menyifatkan penggiliran itu sebagai permainan ala buaian berpusing atau merry-go-round. Atau juga seperti mainan 'injit-injit semut' siapa bijak berpolitik akan mudah naik tangga kuasa dan jawatan.

Tidak kurang pula, ada penganalisis politik berpendapat sistem penggiliran itu pada realitinya membawa banyak perubahan kepada senario politik Sabah yang dulunya begitu terkenal dengan bermacam adegan dramatik dengan kepelbagaian dan ketidaktentuan sukar diramalkan.

Yang nyata, matlamat asal pengenalan sistem itu untuk mententeramkan gelora politik Sabah mencapai matlamat sebagaimana dapat dilihat dalam komposisi institusi BN Sabah ketika ini.

Seperti arus gelombang Laut China Selatan yang memisahkan tanah Semenanjung dengan Sabah, demikianlah hakikat politik Kota Kinabalu yang hanya difahami oleh orang Sabah sendiri dan menuntut Kuala Lumpur bersikap toleran dalam mendepani kerenah politik negeri itu.

Hakikatnya, pengenalan sistem itu adalah satu retorik politik dan mungkinkah ia sudah sampai ke penghujungnya?

Dengan mengambil kira ketenangan lautan politik Sabah hari ini di bawah kepemimpinan Ketua Menteri merangkap Pengerusi BN Sabah, Datuk Musa Aman, ada yang beranggapan sudah tiba masanya kajian terperinci dibuat terhadap sistem itu supaya ia tidak lagi menjadi bahan ketawa 'agas-agas politik'.

Mereka menterjemahkan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, baru-baru ini yang menyerahkan kepada rakyat Sabah menentukan soal penggiliran itu sebagai satu isyarat jelas ke arah itu.

Ada berpendapat Sabah memerlukan seorang pemimpin berkarisma yang boleh menghimpun dan menyatukan semua kira-kira 30 kelompok suku kaum supaya mudah menyelesaikan isu penggiliran itu.

Jika inilah yang menjadi pertimbangan, tentunya sekarang adalah masa cukup sesuai untuk merealisasikannya kerana ketika pelantikan Musa sebagai Ketua Menteri diumumkan awal tahun ini, rata-rata pimpinan parti komponen BN Sabah memberikan pujian, sanjungan dan harapan besar terhadap keupayaan, wibawa dan kredibilitinya.

Komen-komen positif yang bertali arus memberi markah tinggi kepada Musa yang diyakini, berdasarkan latar belakang korporat dan kejayaannya dalam perniagaan, untuk membawa Sabah ke era kegemilangan.

Hingga kini, Musa sebagai pemimpin yang soft-spoken disegani oleh kerabat dalam Umno dan kepemimpinan parti komponen lain. Musa adalah Ketua Menteri ketujuh menerusi sistem penggiliran itu yang diambil alihnya sejak Mac lalu.

Inilah kali ketiga Umno mendapat giliran sejak 1994 bermula dengan Tun Sakaran Dandai dan Datuk Seri Salleh Said Keruak (Bumiputera Islam),

kemudian Datuk Yong Teck Lee (Cina), Tan Sri Bernard Dompok (Bumiputera bukan Islam), Datuk Seri Panglima Osu Sukam (Bumiputera Islam) dan Datuk Chong Kah Kiat (Cina).

Penganalisis politik berpendapat, pada peringkat akar umbi Umno sendiri pun, sememangnya ramai tidak setuju dengan penerusan sistem itu. Bagi mereka, sebagai parti dominan dan peneraju kepemimpinan negeri, Umno layak untuk menjadi tonggak kerajaan sebagaimana pentadbiran pada peringkat Kerajaan Persekutuan serta negeri lain di Semenanjung, kecuali Kelantan dan Terengganu yang dikuasai Pas, dan Pulau Pinang yang majoriti rakyatnya keturunan Cina.

Justeru, tidak hairanlah apabila ramai yang bersikap terbuka dengan kenyataan Dr Mahathir ketika datang ke Sabah merasmikan kongres ke-18 PBS baru-baru ini, yang menyerahkan kepada rakyat Sabah menentukan sama ada meneruskan sistem itu atau sebaliknya.

PBS yang sudah kembali ke pangkuan BN, diterajui Datuk Joseph Pairin Kitingan, kelihatan tetap dengan pendirian tidak menyetujui sistem penggiliran itu kerana berpendapat ia bertentangan Perlembagaan Sabah, tetapi beberapa anggota komponen lain masih membisu mengenainya.

Sementara pemimpin parti pembangkang di Sabah, khususnya Keadilan dan Pas, berterus-terang meminta supaya sistem itu dimansuhkan kerana ia bercanggah dengan perlembagaan negeri dan menyusahkan rakyat.

Pengerusi Perhubungan Parti Keadilan Nasional (Keadilan) Sabah, Datin Saidatul Badru Said, berkata sepatutnya Ketua Menteri dilantik di kalangan pemimpin parti yang mempunyai majoriti dalam DUN Sabah.

Kini, sebenarnya terletak di tangan rakyat Sabah sendiri menentukan rentak tari mereka di persada politik negara. Sebagaimana yang disuarakan oleh Dr Mahathir tempoh hari, terpulanglah kepada rakyat Sabah sama ada mahu meneruskan sistem itu atau sebaliknya.